**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI YANG KE-4**
**PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI**
**BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

---

| | |
|---|---|
| TARIKH : | 02 APRIL 2017 |
| MASA : | 10.00 PAGI |
| TEMPAT : | PERKARANGAN SURAU AL-AMIN<br>TAMAN BANDARAYA DAMAI<br>BANDAR TUN RAZAK<br>CHERAS, KUALA LUMPUR |

Kehadiran :

| | | |
|---|---|---|
| 1. | En. Hassan Ali | No. 30 Jalan Ikhlas 8 |
| 2. | YBhg Dato Hj. Shaari Yusof | No. 29 Jalan Ikhlas 4 |
| 3. | Tuan Hj Mohd Nazari Hj. Mat Zain | No. 159 Jalan Ikhlas |
| 4. | Tuan Hj Aziz Baba | No. 22 Jalan Ikhlas 9 |
| 5. | Tuan Hj Zainal Abidin Abd. Majid | No. 22 Jalan Makmur 4 |
| 6. | Tuan Hj. Sarifuddin Ibrahim | No. 19 Jalan Makmur 3 |
| 7. | Puan Hjh Khairiyatul Hayati Abd Karim | No. 5 Jalan Makmur 4 |
| 8. | YBhg Datin Hjh Noraini Kamil | No. 29 Jalan Makmur 4 |
| 9. | En. Ismail Mohd Yusof | No. 14 Jalan Makmur 4 |
| 10. | En. Mohd Ariff Arifin | No. 15 Jalan Ikhlas 9 |
| 11. | Puan Shamsiatey Sulaiman | No. 15 Jalan Makmur 3 |
| 12. | Cik Ameenah Abd Rahim | No. 17 Jalan Ikhlas 9 |
| 13. | Puan Hjh Rohana Omar Basha | No. 22 Jalan Makmur 4 |
| 14. | En. Shamsul Bahri Mohd Hashim | No. 28 Jalan Ikhlas 9 |
| 15. | En. Ibrahim Ismail | No. 16 Jalan Makmur 4 |
| 16. | En. Mohd Shahid Ahmad | No. 14 Jalan Ikhlas 7 |
| 17. | Tuan Hj Radin Mohd Danuri R Jawardi | No. 12 Jalan Makmur 4 |
| 18. | Puan Zubaidah Mohd Yaman | No. 32 Jalan Ikhlas 9 |
| 19. | Puan Faudziah Kamil | No. 16 Jaklan Makmur |
| 20. | En. Hassim Said | No. 17 Jalan Makmur 4 |
| 21. | Puan Hjh Hanipah Md Nor | No. 22 Jalan Ikhlas 9 |
| 22. | Tuan Hjh Borhan Abdullah | No. 15 Jalan Ikhlas 8 |
| 23. | Puan Hjh Noor Hanisah | No. 1 Jalan Ikhlas 8 |
| 24. | Puan Hjh Normazida mohidin | No. 19 Jalan Makmur 3 |
| 25. | Puan Zaiton Salim | No. 17 Jalan Makmur 4 |
| 26. | Puan Norsiah Arshad | No. 14 Jalan Makmur 4 |
| 27. | Tuan Hj Roslan Baharom | No. 173 Jalan Ikhlas |

Senarai Ahli Jawatankuasa (AJK) 2015/2017
Yang tidak hadir dengan maaf

| | | |
|---|---|---|
| 1. | En. Ahmad Fakrizzaki<br>No. 4 Jalan Ikhlas 8 | Bertugas di Jeddah. |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Tuan Hj. Mohd Hussaini Morid<br>No. 33 Jalan Ikhlas 8 | Bertugas di luar kawasan |
| 3. | Tuan Hj Wan Abd Rahman<br>No. 17 Jalan Ikhlas 7 | Urusan keluarga |
| 4. | Puan Halimatus Saadiah<br>NO. 15 Jalan Makmur | Urusan keluarga |
| 5. | Puan Norhayati Mat Said<br>No. 12 Jalan Ikhlas 8 | Urusan keluarga |
| 6. | Tuan Hj Wan Abd Ghaffar | Urusan keluarga |

1. **UCAPAN PENGERUSI PERSATUAN SESSI 2015/2017 (4 OKTOBER 2015 – 02 APRIL 2017)**

1.1 Y.Brs En. Hassan Ali selaku Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua ahli yang berkelapangan dan sudi hadir ke Mesyuarat Agong Tahunan kali ke-4 pada pagi ini.

1.2 Y.Brs Tuan Pengerusi mengulas mengenai kehadiran ahli ke mesyuarat Persatuan pada pagi ini yang jauh lebih rendah berbanding sebelum ini sehinggakan mesyuarat terpaksa dilewatkan sedikit bagi mencukupkan kuorum kehadiran mengikut perlembagaan persatuan iaitu sekurang2 dua kali jumlah ahli jawatankuasa Persatuan.

1.3 Y.Brs Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa mengikut rekod kehadiran ahli dimesyuarat agong yang lalu adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Mesyuarat Agong Kali Pertama | 43 orang |
| Mesyuarat Agong Kali Ke - 2 | 34 orang |
| Mesyuarat Agong Kali Ke - 3 | 36 orang |
| Mesyuarat Agong Kali Ke - 4 | 27 orang |

Kuorum bagi mesyuarat pagi ini ialah 26 orang.

1.4 Y.Brs Tuan Pengerusi seterusnya menegaskan walaupun Persatuan nampak tidak mendapat perhatian ahli-ahli, namun persatuan perlu wujud sebagai wadah untuk memupuk hubungan silaturrahim dikalangan warga taman, selain Persatuan juga boleh bertindak sebagai badan rasmi yang mewakili penduduk dalam perkara2 yang berkaitan dengan kebajikan dan kemudahan warga taman.

1.5 Y.Brs Tuan Pengerusi mengulas bahawa satu ketika dulu, dizaman masyarakat Agragrian, penduduk amat erat hubungannya diantara satu sama lain dan begitu kuat dengan semangat tolong menolong, gotong royong dan bantu membantu. Namun kini zaman telah berubah dan dalam persekitaran perbandaran, masyarakat telah mampu hidup secara sendirian yang kebanyakkanya hidup seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

1.6 Sungguhpun begitu, Y.Brs Tuan Pengerusi berpendapat hidup berpersatuan dipersekitaran bandar masih perlu dipergiatkan kearah hubungan silaturrahim dan kebajikan bersama. Y.Brs Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa cara beliau mentadbir Persatuan ini adalah sentiasa berpegang kepada prinsip tidak menyakitkan hati jiran tetangga dan berlaku adil serta berbaik sangka dengan semua jiran, lantaran itu beliau amat keberatan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan sebagaimana disarankan oleh sebahagian ahli seperti penguatkuasaan keatas parkir kenderaan, kacau ganggu dan sebagainya.

1.7 Y.Brs Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Persatuan tidak mengutip sebarang yuran daripada ahli walaupun ianya dibenarkan oleh Perlembagaan. Dimaklumkan juga bahawa Persatuan mendapat dana tahunan daripada pihak DBKL sebanyak RM10,000-00 setahun untuk Persatuan menjalankan program dan aktiviti. Namun untuk sessi 2015/2017, Persatuan tidak ada terima peruntukan dana RM10,000-00 tersebut daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana timbul sedikit kekeliruan dan masalah komunikasi dengan pihak pemberi dana tersebut. Oleh sebab itu lah bagi sessi 2015/2017 Persatuan tidak dapat menganjurkan program yang biasa dilakukan di masa-masa yang lalu. Dengan demikian Y.Brs Tuan Pengerusi menyarankan supaya jawatankuasa baru nanti memikirkan cara untuk laksanakan kutipan yuran dikalangan ahli sebagaimana yang dibenarkan oleh perlembagaan bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti dan program program Persatuan supaya hubungan diantara ahli-ahli lebih erat lagi.

1.8 Y.Brs Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa Persatuan kekurangan dana, namun Persatuan telah mampu dan berjaya mewujudkan "dana pusingan" berjumlah RM1,500-00 bagi membiayai urusan jenazah ahli/keluarga. Dana ini diberi secara pinjaman bagi membantu meringankan perbelanjaan segera keluarga yang terlibat.

1.9 Diakhir ucapannya, Y.Brs Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua barisan Ahli Jawatankuasa sessi 2015/2017 yang telah memudahkan beliau menjalankan tugas sebagai pengerusi selama 18 bulan yang lalu. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Surau Al-Amin yang sentiasa membenarkan premis surau digunakan untuk mesyuarat ahli jawatankuasa. Ucapan terima kasih juga beliau zahirkan kepada ahli-ahli yang hadir pada mesyuarat ini dan ahli-ahli yang masih menyokong kewujudan Persatuan ini. Tuan Pengerusi juga memohon ampun dan maaf daripada semua ahli sekiranya ada kesalahan pada tutur kata dan perbuatan semasa beliau melaksanakan tugasnya sebagai Pengerusi Persatuan selama 3 penggal yang lalu iaitu mulai Oktober 2015 sehingga April 2017.

1.10 Y.Brs Tuan Pengerusi merayu supaya ahli-ahli membenarkan beliau berundur dengan tidak memilih lagi beliau sebagai Pengerusi kerana menjadi pengerusi Persatuan selama 3 penggal adalah sudah mencukupi untuk beliau dan beliau berharap barisan AJK bagi sessi 2017/2018 yang akan dipilih selepas ini dapat meneruskan aktiviti dan program Persatuan selaras dengan matlamat penubuhannya. Beliau berjanji akan terus menyokong dan membantu Persatuan berdasarkan kemampuannya agar Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai ini terus hidup untuk manfaat semua ahli.

## 2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 3 BERTARIKH 04 OKTOBER 2015

2.1 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke - 3 yang telah diadakan pada 04 Oktober 2015 telah dicadangkan sah oleh En. Ismail Mohd Yusof dari No. 14 Jalan Makmur 4 dan disokong oleh Tuan Hj. Borhan Abdullah dari No. 15 Jalan Ikhlas 8.

## 3. MEMBENTANGKAN LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI Ke - 3 BERTARIKH 04 OKTOBER 2015.

3.1 Y.Brs Tuan Pengerusi telah membentangkan dan menjelaskan laporan maklumbalas minit Mesyuarat Agung Kali Ke - 3 bertarikh 04 Oktober 2015 yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-

(i) Nama pemenang mencipta logo Persatuan – Cik Anis bt Hj. Wan Abd Ghaffar. Pertandingan telah dibuka dari 20 Mei 2014 hingga 15 Jun 2014. Hadiah pemenang ialah RM500-00.

(ii) Mesyuarat Agung Kali Ke - 3 telah memberi kuasa kepada mesyuarat ahli jawatankuasa untuk melantik 5 ahli jawatankuasa tambahan. Namun kuasa ini tidak dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Sessi 2015/2017 kerana tidak ada keperluan.

(iii) Pembaikan rosak dinding longkang di Jalan Makmur 4 dan cadangan menaik taraf lorong belakang Jalan Ikhlas 9.

(iv) Menambah dana Persatuan melalui 'tajaan' (Sponsor).

(v) Pengindahan taman permainan di Jalan Makmur 3 (belakang Jalan Makmur 4) – Pembinaan Dewan Terbuka.

(vi) Isu galakan kehadiran ahli-ahli dimesyuarat Agung dan aktiviti/program Persatuan.

(vii) Urusan laporan Mesyuarat Agung dan Aktiviti Tahunan Persatuan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan secara dalam talian (on-line).

Untuk makluman dan Perhatian Ahli-ahli

3.2 Ahli-ahli mesyuarat yang hadir bersetuju menerima laporan maklumbalas minit Mesyuarat Agung Kali Ke - 3 bertarikh 04 Oktober 2015 yang telah dibentang tersebut dan seterusnya menyarankan isu-isu yang belum selesai diambil tindakan susulan oleh Ahli Jawatankuasa Sessi 2017/2018.

3.3 Mesyuarat Agung Kali Ke - 4 hari ini bersetuju memberi kuasa kepada Ahli Jawatankuasa Sessi 2017/2018 untuk melantik 5 orang Ahli Jawatankuasa tambahan sekiranya difikirkan perlu bagi melaksanakan perjalanan aktiviti dan program Persatuan.

Tindakan AJK Sessi 2017/2018

4. **MEMBENTANG LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN PERSATUAN BAGI SESSI 2015/2017 (04 OKTOBER 2015 HINGGA 02 APRIL 2017)**

4.1 Tuan Setiausaha telah membentangkan dan menjelaskan laporan aktiviti tahunan Persatuan bermula 05 Oktober 2015 hingga 02 April 2017 untuk makluman serta maklumbalas daripada ahli mesyuarat. Aktiviti-aktiviti yang dilapurkan telah dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa sessi 2015/2017 adalah seperti berikut:-

(i) Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke - 3 pada 04 Oktober 2015 yang telah dihadiri seramai 37 orang ahli.

(ii) Mesyuarat Jawatankuasa Sessi 2015/2017 telah diadakan sebanyak 6 kali seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| a. | 22 Oktober 2015 | - | 9 orang hadir |
| b. | 15 Disember 2015 | - | 9 orang hadir |
| c. | 19 Januari 2016 | - | 8 orang hadir |
| d. | 10 Ogos 2016 | - | 9 orang hadir |
| e. | 16 Feb 2017 | - | 8 orang hadir |
| f. | 14 Mac 2017 | - | 8 orang hadir |

(iii) Isu-isu yang dibincangkan semasa mesyuarat ahli jawatankuasa sessi 2015/2017 adalah seperti berikut:-

a. Pemasangan pagar dilorong belakan Jalan Ikhlas 9
b. Mentauliah Surau Al-Amin sebagai Surau Solat Jumaat
c. Papan Tanda Taman Bandaraya Damai
d. Pembinaan Dewan Terbuka (Open Canopy)
e. Tanah Perkuburan Kariah Taman Bandaraya Damai
f. Parkir kenderaan dan penguatkuasaan
g. Penubuhan Tabung Kebajikan dan Khariat Kematian
h. Pembaikan kerosakan dinding longkang di Jalan Makmur 4 dan lorong belakang Jalan Ikhlas
i. Menjana dana Persatuan melalui tajaan, dan
j. Pengindahan Taman serta penebangan pokok Angsana di lorong belakang Jalan Makmur 4.

Untuk makluman dan perhatian ahli mesyuarat.

5. **MEMPERTIMBANGKAN LAPORAN BENDAHARI DAN PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TEMPOH 05 OKTOBER 2015 SEHINGGA 02 APRIL 2017**

5.1 Y.Brs Tuan Bendahari telah membentangkan laporan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 05 Oktober 2015 sehingga 02 April 2017 untuk diteliti dan dibahas oleh ahli-ahli mesyuarat.

5.2 Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian bahawa sehingga 02 April 2017 baki tunai dibank ialah sebanyak RM180.47

5.3 Laporan Penyata Kewangan Persatuan yang telah diaudit bagi tempoh 05 April 2015 hingga 02 April 2017 telah dicadangkan untuk diterima dan diluluskan oleh Y.Bhg Datin Hj. Noraini Kamil dan disokong oleh Puan Zubaidah Mohd Yaman. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan dan sokongan tersebut.

Untuk makluman dan perhatian ahli mesyuarat.

6. **PEMBUBARAN AHLI JAWATANKUASA SESSI 2015/2017 DAN PELANTIKAN PENGERUSI SERTA PENCATIT MINIT MESYUARAT.**

6.1 En. Hassan Ali selaku Pengerusi Persatuan dengan rasmnya telah membubarkan Ahli Jawatankuasa Persatuan Sessi 2015/2017 dengan ucapan terima kasih kepada semua barisan AJK yang telah melaksanakan tugas dengan baik sepanjang tempoh 18 bulan yang lalu (05 Oktober 2015 hingga 02 April 2017) dan berharap jawatankuasa baru yang akan dipilih dan dilantik kelak dapat meneruskan kerja-kerja baik tersebut dengan lebih berkesan lagi.

6.2 Tuan Hj. Aziz Baba telah mencadangkan supaya En. Ibrahim Ismail dilantik sebagai Pengerusi bagi meneruskan agenda mesyuarat agung ini dan Tuan Hj. Mohd Nazari Hj. Mat Zain dilantik sebagai pencatit minit bagi mesyuarat ini. Cadangan ini telah disokong oleh Puan Zubaidah Mohd Yaman. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan dan sokongan tersebut.

7. **MEMILIH DAN MELANTIK AHLI JAWATANKUASA SESSI 2017/2018 DAN MELANTIK SEORANG JURUAUDIT PERSATUAN SESSI 2017/2018**

7.1 Y.Brs Tuan Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa lama dan memaklumkan bahawa jawatan yang perlu dipilih dan dilantik oleh ahli mesyuarat bagi sesi 2017/2018 (tempoh 18 bulan) adalah seperti berikut:-

(i) Seorang Pengerusi
(ii) Seorang Timbalan Pengerusi
(iii) Seorang Setiausaha
(iv) Seorang Penolong Setiausaha
(v) Seorang Bendahari

(vi) Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa dan
(vii) Seorang Juruaudit.

7.2 Bagi jawatan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai sesi 2017/2018, YBhg Datin Hjh Noraini Kamil mencadangkan En. Ibrahim Ismail dari No. 16 Jalan Makmur 4 dengan cadangan disokong oleh Puan Zubaidah Mohd Yaman. Puan Noormazida telah mencadangkan supaya cadangan ditutup dengan disokong oleh Puan Shamsiatey. Oleh kerana tiada bantahan kepada cadangan ditutup maka ahli mesyuarat agong telah bersetuju memilih dan melantik En. Ibrahim Ismail dari No. 16 Jalan Makmur untuk menjadi Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai sesi 2017/2018.

Untuk makluman

7.3 Bagi jawatan Timbalan Pengerusi Puan Rohana mencadangkan Tuan Hj. Borhan Abdullah dari No. 15 Jalan Ikhlas 8 dengan cadangan disokong oleh Puan Zubaidah Mohd Yaman. Tuan Hj. Zainal mencadangkan Tuan Hj. Sarifuddin dari No. 19, Jalan Makmur 3 dan disokong oleh Tuan Hj. Raden. Pengundian telah dijalankan dengan Tuan Hj. Borhan memperolehi 16 undi manakala Tuan Hj. Sarifuddin mendapat 11 undi. Dengan demikian mesyuarat mengumumkan jawatan Timbalan Pengerusi jatuh kepada Tuan Hj. Borhan Abdullah dari No. 15 Jalan Ikhlas 8 berdasarkan kepada jumlah undi yang telah diperolehinya.

Untuk makluman

7.4 Bagi jawatan Setiausaha dan Penolong Setiausaha ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju memilih dan melantik Cik Ameenah Abd Rahim dari No. 17 Jalan Ikhlas 9 sebagai Setiausaha dan En. Shamsul Bahri Mohd Hashim dari No. 28 Jalan Ikhlas 9 sebagai Penolong Setiausaha.

Untuk makluman

7.5 Bagi jawatan Bendahari ahli-ahli mesyuarat telah mencadangkan dua nama iaitu Tuan Hj. Zainal Abidin dari No. 22 Jalan Makmur 4 dan Tuan Hj. Sariffuddin dari No. 19 Jalan Makmur 3. Setelah pengundian dibuat, Tuan Hj. Zainal Abidin mendapat 10 undi sementara Tuan Hj. Sariffuddin mendapat 7 undi. Dengan demikian, Tuan Hj. Zainal Abidin Abd Majid dari No. 22 Jalan Makmur 4 diumumkan sebagai Bendahari Persatuan bagi sessi 2017/2018.

Untuk makluman

7.6 Bagi pemilihan dan perlantikan 8 orang Ahli Jawatankuasa, mesyuarat sebulat suara bersetuju memilih dan melantik ahli-ahli berikut:-

(i) Tuan Hj. Mohd Nazari Hj. Mat Zain
(ii) En. Ismail Mohd Yusoff
(iii) En. Mohd. Ariff Arifin
(iv) Tuan Hj. Radin Mohd Danuri bin Radin Jawardi
(v) YBhg Datin Hjh Noraini Kamil

(vi) Tuan Hj. Sariffudin Ibrahim
(vii) Puan Hjh Noor Hanisah
(viii) Puan Hjh Zubaidah Mohd Yaman

Untuk makluman

7.7 Bagi lantikan seorang Juruaudit Persatuan bagi sessi 2017/2018, ahli-ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik Tuan Hj. Roslan Baharom dari No. 179, Jalan Ikhlas sebagai Juruaudit bagi Persatuan.

Untuk makluman

7.8 Setelah selesai pemilihan dan perlantikan pencatit minit mesyuarat mengumumkan barisan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai bagi sessi 2017/2018 (02 April 2017 hingga 01 Oktober 2018) adalah seperti berikut:-

(i) Pengerusi
En. Ibrahim Ismail
No. 16, Jalan Makmur 4

(ii) Timbalan Pengerusi
Tuan Hj. Borhan Abdullah
No. 15, Jalan Ikhlas 8

(iii) Setiausaha
Cik Ameenah Abd Rahim
No. 17, Jalan Ikhlas 9

(iv) Penolong Setiausaha
En. Shamsul Bahri Mohd Hashim
No. 28, Jalan Ikhlas 9

(v) Bendahari
Tuan Hj. Zainal Abidin Abd Majid
No. 22, Jalan Makmur 4

(vi) Ahli Jawatankuasa (8 orang)

(a) Tuan Hj. Mohd Nazari Hj. Mat Zain
No. 159, Jalan Ikhlas
(b) En. Ismail Mohd Yusoff
No. 14, Jalan Makmur 4
(c) En. Mohd. Ariff Arifin
No. 15, Jalan Ikhlas 9
(d) Tuan Hj. Radin Mohd Danuri bin Radin Jawardi
No. 12, Jalan Makmur 4

(e) YBhg Datin Hjh Noraini Kamil
No. 29, Jalan Makmur 4

(f) Tuan Hj. Sariffudin Ibrahim
No. 19, Jalan Makmur 3

(g) Puan Hjh Noor Hanisah
No. 1, Jalan Ikhlas 8

(h) Puan Hjh Zubaidah Mohd Yaman
No. 32, Jalan Ikhlas 9

(vii) Juruaudit
Tuan Hj. Roslan Baharom
No. 173, Jalan Ikhlas

Untuk makluman

## 8. HAL-HAL LAIN

### 8.1 Perlantikan Ahli Jawatankuasa Tambahan

Tuan Hj. Mohd Nazari memaklumkan Mesyuarat Agung Ke - 3 telah bersetuju memberi kuasa kepada Ahli Jawatankuasa untuk melantik 5 orang AJK tambahan sekiranya ada keperluan. Sehubungan itu beliau mencadangkan supaya Mesyuarat Agung Kali Ke - 4 ini memberi kuasa tersebut kepada Ahli Jawatankuasa yang baru. Semua ahli mesyuarat bersetuju dengan pemberian kuasa tersebut.

Untuk Perhatian AJK 2017/2018

### 8.2 Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah No. 19 Jalan Ikhlas 9

Cik Ameenah Abd Rahim membangkitkan mengenai kerja-kerja pengubahsuaian rumah No. 19 Jalan Ikhlas 9 yang telah dihentikan menyebabkan dinding rumah berjiran telah diresapi air dan penakungan air ditingkat atas. Beliau memohon supaya isu ini dimaklumkan kepada kontraktor pemilik premis tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Untuk Perhatian AJK 2017/2018

### 8.3 Masalah kucing berkeliaran menimbulkan kacau ganggu disegi bau dan kotoran

YBhg Datin Hjh. Noraini Kamil membangkitkan isu kucing peliharaan jiran-jiran yang tidak dikawal secukupnya menyebabkan kacau ganggu kepada kawasan kejiranan dengan bau dan kotoran. Beliau menyarankan supaya isu ini diberi perhatian oleh jawatankuasa yang baru.

Untuk Perhatian AJK 2017/2018

8.4 <u>Alamat Surat Menyurat Bagi Persatuan</u>

Mesyuarat bersetuju supaya segala urusan surat menyurat bagi Persatuan dialamatkan seperti berikut:-

No. 16, Jalan Makmur 4
Taman Bandaraya Damai
Bandar Tun Razak
Cheras
56000 Kuala Lumpur

<u>Untuk makluman</u>

## 9. UCAPAN PENANGGUHAN

9.1 En. Ibrahim Ismail selaku Pengerusi baru bagi Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai sessi 2017/2018 mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli mesyuarat semua yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk memimpin Persatuan ini bagi tempoh 18 bulan akan datang. Beliau juga memaklumkan ucapan terima kasih kepada En. Hassan Ali serta barisan AJK yang lain diatas sumbangan menggerakkan aktiviti dan program selama 3 penggal bermula Oktober 2012 sehingga 02 April 2017. En. Ibrahim seteruskan berharap supaya semua AJK dan ahli-ahli Persatuan dapat memberi tunjuk ajar dan membantu beliau menggerakkan Persatuan ini selaras dengan matlamat penubuhannya.

9.2 En. Ibrahim Ismail selaku Pengerusi baru bagi Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai sessi 2017/2018 menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke - 4 pada jam 1.00 tengahari dengan ucapan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir.

Di sediakan oleh

..........................................................
Tuan Hj. Mohd Nazari Hj. Mat Zain
Pencatit Minit
Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke - 4
Tarikh : 28 April 2017

Diluluskan oleh

..........................................................
En. Ibrahim Ismail
Pengerusi
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sessi 2017/2018
Tarikh: 28 April 2017

## LAPORAN MAKLUMBALAS
## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE EMPAT PADA 02 APRIL 2017

| BIL | PERKARA-PERKARA DARI MESYUARAT AGUNG | LAPORAN MAKLUMBALAS |
|---|---|---|
| 1. | Para 1.2 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Isu berkaitan kehadiran ahli ke mesyuarat Agong yang makin merosot. | Dari aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Persatuan, sambutan ahli kepada aktiviti-aktiviti ini adalah baik. Persatuan berharap sambutan yang telah diberikan ini akan terus di berikan semasa Mesyuarat Agong Kali Ke Lima nanti.<br><br>Di samping Persatuan akan mengeluarkan notis mesyuarat agong lebih awal disusuli dengan peringatan mingguan sehingga ia dilaksanakan. |
| 2. | Para 1.6 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Penguatkuasaan keatas parker kenderaan yang mengganggu atau menghalang jalan. | Surat kepada DBKL telah dihantar untuk membincang masalah ini secara keseluruhan tidak mendapat jawapan. |
| 3. | Para 1.7 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Cadangan Mengutip yuran keahlian seperti yang diperuntukan oleh Perlembagaan. | Berdasarkan kepada bilangan ahli yang hadir semasa Mesyuarat Agong Yang Ke Empat keputusan telah dibuat untuk mengekal dengan keputusan yang telah diambil oleh Ahli Jawatankuasa sebelum ini untuk tidak mengutip yuran ahli. |
| 4 | Para 8.1 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Pelantikan Ahli Jawatankuasa Tambahan | Tuan Haji Wan Abd Rahman dan Puan Hjh Normazida Mohidin telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa tambahan. Pelantikan dibuat susulan kepada perletakan jawatan oleh Tuan Haji Sarifuddin dan Puan Hjh Noor Hanisah. |
| 5. | Para 8.2 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah No. 19 Jalan Ikhlas. | Pihak tuanpunya rumah berkenaan telah di maklumkan mengenai masalah takungan air disebabkan oleh pemberhentian kerja-kerja pengubahsuaian. |

| BIL | PERKARA-PERKARA DARI MESYUARAT AGUNG | LAPORAN MAKLUMBALAS |
|---|---|---|
| 6. | Para 8.3 Minit Mesyuarat Agong Ke Empat:<br>Masalah kucing berkeliaran menimbulkan kacau ganggu disegi bau dan kotoran | Para ahli persatuan telah dimaklumkan masalah ini dan telah dinasihatkan untuk peka dengan kehendak syariah mengenai menjaga hubungan baik dengan para jiran. |

**Disediakan oleh :**

Setiausaha Persatuan Penduduk
Taman Bandaraya Damai (2017/2018)

10 September 2018

**LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN**
**PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI 2017/2018**
**(03 APRIL 2017 HINGGA 29 SEPTEMBER 2018)**

1. **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KALI KE EMPAT 02 APRIL 2017**

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke Empat telah diadakan pada 02 April 2017, jam 10.00 pagi di Perkarangan Surau Jumaat Al Amin, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Seramai 27 orang ahli Persatuan telah hadir untuk mencukupi korum mesyuarat seperti yang diperuntukan oleh Fasal 7(3) Perlembagaan Persatuan. Kurom minima yang diperlukan ialah 2 kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Persatuan iaitu seramai 26 orang. (Jumlah Ahli Jawatankuasa ialah 13 orang).

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke Empat diadakan selepas 18 bulan dari tarikh Mesyuarat Agung Ke Tiga yang telah diadakan pada 04 Oktober 2015 Ini adalah selaras dengan peruntukan Fasal 7(3) Perlembagaan Persatuan.

2. **MESYUARAT JAWATANKUASA SESI 2017/2018**

Fasal 8(5) Perlembagaan Persatuan memperuntukan Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Ahli Jawatankuasa yang dipilih adalah seramai 13 orang. Walau bagaimana pun Tuan Hj Sarifuddin Ibrahim dan Puan Hjh Noor Hanisah telah meletakkan jawatan. Mereka telah digantikan dengan perlantikan 2 Ahli Jawatankuasa baru iaitu Tuan Hj Wan Abdul Rahman dan Puan Hjh Normazida Mohidin.

Penggal Jawatankuasa Sesi 2017/2018 bermula pada 02 April 2017 dan berakhir pada 01 Oktober 2018 (18 bulan). Sepanjang tempoh tersebut Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 22 kali seperti berikut :-

| BIL | TARIKH MESYUARAT | BIL KEHADIRAN |
|---|---|---|
| 1 | 26 April 2017 | 11/13 |
| 2 | 24 Mei 2017 | 10/13 |
| 3 | 03 Jun 2017 | 11/13 |
| 4 | 18Jun 2017 | 11/13 |
| 5 | 10 Julai 2017 | 11/13 |
| 6 | 31 Julai 2017 | 11/13 |
| 7 | 03 November 2017 | 9/13 |
| 8 | 10 November 2017 | 11/13 |
| 9 | 27 November 2017 | 11/13 |
| 10 | 04 Disember 2017 | 10/13 |

| BIL | TARIKH MESYUARAT | BIL KEHADIRAN |
|---|---|---|
| 11 | 08 Januari 2018 | 12/13 |
| 12 | 12 Mac 2018 | 11/13 |
| 13 | 27 Mac 2018 | 12/13 |
| 14 | 05 April 2018 | 10/13 |
| 15 | 14 April 2018 | 8/13 |
| 16 | 17 April 2018 | 11/13 |
| 17 | 24 April 2018 | 11/13 |
| 18 | 08 Mei 2018 | 12/13 |
| 19 | 25 Jun 2018 | 13/13 |
| 20 | 03 Julai 2018 | 13/13 |
| 21 | 20 Julai 2018 | 11/13 |
| 22 | 28 Ogos 2018 | 10/13 |

## 3. ISU PERBINCANGAN MESYUARAT

Isu-isu yang telah dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

| BIL | ISU YANG DIBINCANG | MAKLUMBALAS |
|---|---|---|
| 1. | Pemasangan Pagar serta simen tembok belakang Lorong Ikhlas 9 | Pihak Surau As-Syakirin mempunyai rancangan untuk membuat tembok dikawasan belakang surau lorong Jalan Ikhlas 9. |
| 2 | Papan Tanda Taman Bandaraya Damai | Surat permohonan untuk tajaan papan tanda tersebut telah dihantar kepada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini. Menunggu jawapan daripada DBKL. |
| 3 | Pembinaan Dewan Terbuka di Taman Permainan Jalan Makmur 3 | Perkara ini perlu dibincang dengan mendalam lagi dari segi kewangan, kesesuaian bentuk dan pengurusannya kelak. |
| 4 | Penubuhan Tabung Khairat dan Kebajikan | Keputusan diambil untuk tidak menubuhkan tabung tersebut memandangkan sambutan daripada ahli persatuan yang tidak melibatkan sumbangan adalah tidak begitu menggalakkan sebelum ini.<br><br>Namun keputusan diambil untuk meneruskan pinjaman khairiat sebanyak RM1,500-00 yang akan diuruskan oleh pihak Surau Jumaat Al Amin. |

| BIL | ISU YANG DIBINCANG | MAKLUMBALAS |
|---|---|---|
| 5 | Penebangan Pokok Angsana di lorong belakang Jalan Makmur 4 | Keputusan diambil untuk mengekalkan pokok pokok Angsana tersebut. Keperluan untuk menebangnya akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keadaan. |
| 6 | Mengemaskinikan Maklumat Ahli Persatuan | Dari 147 borang yang telah diedarkan, hanya 62 dipulangkan kpd jawatankuasa.<br><br>Pindaan kepada maklumat-maklumat yang diterima telah dibuat. |
| 7 | Mengemaskinikan Website Persatuan | Usaha dan kajian masih dijalankan cara yang lebih berkesan untuk memindahkan website ini kepada medium yang baru. |
| 8 | Membaik pulih CCTV Camera | Dari 4 CCTV yang telah dipasang, hanya 1 sahaja yang masih berfungsi. Namun kos membaiki CCTV and rosak ini sangat mahal dan keputusan diambil untuk mengkaji semula cara yang lebih berkesan untuk mengelak dari berlakunya perbuatan khianat/jenayah selain menggunakan CCTV. |
| 9 | Pemasangan lampu tambahan di taman permainan Jalan Makmur 3 | Surat Persatuan kepada Pejabat Cawangan DBKL telah dipanjangkan kepada Ibu Pejabat DBKL. Jawapan dari Ibu Pejabat DBKL masih belum diterima. |
| 10 | Program Pemutihan Plan Renovasi Rumah | Surat permohonan taklimat mengenai program pemutihan ini telah dihantar kepada Bahagian Perumahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini. Menunggu jawapan daripada DBKL. |

## 4. AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DIADAKAN SEPANJANG PENGGAL 2017/2018

Sepanjang penggal dari 03 April 2017 sehingga 29 September 2018, Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:-

| BIL | TARIKH | AKTIVITI | JUMLAH PENYERTAAN |
|---|---|---|---|
| 1. | 22 Julai 2017 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2017 | 256 orang |
| 2. | 09 Disember 2017 | Program Gotong Royong Membenteras Nyamuk Aedes | 53 orang |
| 3. | 28 April 2018 | Hari Keluarga Taman Bandaraya Damai 2017 | 234 orang |
| 4. | 13 Jun 2018 | Majlis Berbuka Puasa di Surau Jumaat Al Amin | 100 orang |
| 5. | 06 Julai 2018 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2018 | 340 orang |

**Disediakan oleh :**

Setiausaha Persatuan Penduduk
Taman Bandaraya Damai (2017/2018)

10 September 2018

**_PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI_**
**_BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR_**

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | Nota | 2018 | 2017 (2 April) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Sumbangan Datuk Bandar Kuala Lumpur - DBKL | | 10,000.00 | - |
| Sumbangan Datuk Rizalman Dato' Mokthar | | 5,000.00 | - |
| Sumbangan AJK | | 80.00 | 550.00 |
| Hibah bank | | 6.72 | 1.43 |
| | | **15,086.72** | **551.43** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Mesyuarat AJK/Agong | | 493.10 | 1,630.00 |
| Majlis Sambutan Aidilfitri 2017 | *Lampiran 1* | 4,919.80 | - |
| Program gotong royong | | 815.27 | - |
| Sumbangan kpd Tabung Khairat Kematian Surau Al Amin | *Lampiran 2* | - | 1,500.00 |
| Photostate, printing dan peralatan pejabat | | 63.50 | 163.85 |
| Caj bank | | 12.72 | 22.26 |
| | | **6,304.39** | **3,316.11** |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN** | | **8,782.33** | **(2,764.68)** |
| **BAKI AWAL TAHUN** | | **563.33** | **2,848.01** |
| Pelarasan cek belum ditunai | | (480.00) | 480.00 |
| | | **83.33** | **3,328.01** |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL DIHANTAR KEHADAPAN** | | **8,865.66** | **563.33** |
| **BAKI TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN** | | | |
| Tunai di bank | *Lampiran 3* | 8,691.18 | 527.18 |
| Tunai di tangan | | 174.48 | 36.15 |
| | | **8,865.66** | **563.33** |

Disediakan Oleh:

**(Zainal Abidin b. Abd Majid)**
Bendahari
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

Disahkan Oleh:

**(Ibrahim b. Ismail)**
Pengerusi
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

**LAPORAN PEMERIKSA KIRA-KIRA:**

Adalah saya telah memeriksa semua urusniaga atas pendapatan dan perbelanjaan serta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dan saya dapati telah dibuat mengikut peraturan-peraturan kewangan yang dibenarkan.

Pada pendapat saya Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan/Penyata Imbangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 adalah betul dan sah.

**(Hj Roslan bin Baharom)**
Pemeriksa Kira-Kira
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

Lampiran 1

**PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI**
**BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

**PERBELANJAAN MAJLIS SILATUL RAHIM AIDILFITRI 1438 H - 2017**

| Keterangan | | RM |
|---|---|---|
| 1 Hadiah cabutan bertuah | - | 347.75 |
| 2 Saat Sate Muar - satay | - | 840.00 |
| 3 Duit raya untuk kanak-kanak bawah 12 tahun | - | 375.00 |
| 4 Sri Sinar Maju Caterer - soto dan minuman | - | 2,350.00 |
| 5 Pembelian hamper | - | 150.00 |
| 6 Pinggan dan sudu plastik | - | 99.70 |
| 7 Lemang dan rendang | - | 750.00 |
| 8 Peralatan lain-lain | - | 7.35 |
| **Jumlah** | | **4,919.80** |

---

Lampiran 2

**PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI**
**BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

Sumbangan kepada Tabung Khairat Kematian Surau Al Amin - RM1,500.00. Dana ini telah diamanahkan dan disimpan oleh Tn Hj Wan Abd Rahman Wan Ismail merangkap Pengerusi Surau Al Amin.
Dana ini boleh dimohon oleh ahli sebagai pendahuluan (semasa kecemasan) bagi menampung kos pengurusan dan pengebumian jenazah yang diuruskan Surau Al Amin. Pendahuluan ini perlu di bayar balik.

Lanpiran 3

# BANK ISLAM

2017

110131121702[053]-039725 - 121
TETUAN PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAY
A DAMAI
NO.22,JALAN MAKMUR 4,
TAMAN BANDARAYA DAMAI,
BANDAR TUN RAZAK
56000 WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA AKAUN SEMASA**
*CURRENT ACCOUNT STATEMENT*

| NOMBOR AKAUN *ACCOUNT NO* | CAWANGAN *BRANCH* | TARIKH *DATE* | MUKA SURAT *PAGE* |
|---|---|---|---|
| 14256010003441 | Cawangan Bandar Tasik Permaisuri | 31/12/2017 | 1 of 1 |

| TARIKH *DATE* | KOD *CODE* | NO. DOKUMEN *DOCUMENT NO.* | PENGELUARAN *WITHDRAWAL* | SIMPANAN *DEPOSIT* | BAKI *BALANCE* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | BAL B/F | | | 9,690.58 |
| 6/12/2017 | 0153 | 0013631<br>20171206022714132101022119400 0 | .53 | | 9,690.05 |
| 6/12/2017 | 0530 | 0013631<br>20171206022714132101022119400 0 | 1000.00 | | 8,690.05 |
| 31/12/2017 | 0160 | | | 1.13 | 8,691.18 |

**RINGKASAN AKAUN / SUMMARY OF ACCOUNT**

| | | |
|---|---|---|
| TOTAL OF DEBIT ITEMS | 2 | 1,000.53 |
| TOTAL OF CREDIT ITEMS | 1 | 1.13 |
| TOTAL OF LOCAL CREDIT | | .00 |
| TOTAL OF OC & OCP CREDITS | | .00 |
| MONTHLY AVERAGE ( MYR ) | | 8,851.43 |
| OD PROFIT CHARGED | | .00 |
| MISCELLANEOUS COST | | .00 |
| COMPENSATION CHARGES | | .00 |

**MESEJ / MESSAGES**

Ketahui tanggungjawab dan liabiliti anda sebagai Ahli Kad Debit-i Bank Islam. Sila layari www.bankislam.com.my untuk maklumat lanjut.
Menangi tiket perlawanan Piala Dunia FIFA 2018 dgn Kad-i Bank Islam Visa mulai 7/12/17-28/2/18.
Info@ http://www.bankislam.com.my/home/?p=26887

Terima 13/1

Bermula 1 April 2015, 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) termasuk dalam yuran / caj.
*The fees / Charges are inclusive of 6% GST where applicable, starting 1 April 2015.*

Jumlah dan baki yang tercatat di atas dianggap betul sekiranya Bank tidak diberitahu atas sebarang pembetulan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyata ini.
*The figures and balance shown above will be considered correct unless the Bank is notified of any discrepancy within 14 days from the date of this statement.*
Sila rujuk kod di belakang muka surat ini.
*Please refer to the codes at the back of this page.*

079449/CA20171231.srt-1 Pg.txt

D3

***PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI***
***BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR***

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2018**

| | Nota | 2018 (RM) | 2017 (RM) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Sumbangan Datuk Bandar Kuala Lumpur - DBKL | | 10,000.00 | 10,000.00 |
| Sumbangan Datuk Rizalman Dato' Mokthar | | - | 5,000.00 |
| Sumbangan warga taman untuk Hari Keluarga 2018 | *Lampiran 1* | 1,462.10 | |
| Sumbangan warga taman Majlis Sambutan Aidilfitri 2018 | *Lampiran 2* | 550.00 | |
| Sumbangan AJK untuk Majlis Sambutan Aidilfitri 2018 | | 650.00 | 80.00 |
| Hibah bank | | 8.98 | 6.72 |
| | | **12,671.08** | **15,086.72** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Mesyuarat AJK | | 788.90 | 493.10 |
| Hari Keluarga 2018 | *Lampiran 3* | 3,633.21 | - |
| Majlis Sambutan Aidilfitri 2018 | *Lampiran 4* | 6,132.70 | 4,919.80 |
| Program gotong royong | | - | 815.27 |
| Sumbangan kpd Surau Al-Amin | | 300.00 | - |
| Sumb. Persatuan untuk berbuka puasa di surau Al Amin | | 850.00 | - |
| Pembelian khemah (Mutu Kanopi) 3Mx3M | | 375.48 | |
| Photostate, printing dan peralatan pejabat | | 110.05 | 63.50 |
| Caj bank | | 3.09 | 12.72 |
| | | **12,193.43** | **6,304.39** |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN** | | **477.65** | **8,782.33** |
| **BAKI AWAL TAHUN** | | **8,865.66** | **563.33** |
| Pelarasan cek belum ditunai | | - | (480.00) |
| | | **8,865.66** | **83.33** |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL DIHANTAR KEHADAPAN** | | **9,343.31** | **8,865.66** |
| **BAKI TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN** | | | |
| Di bank | *Lampiran 5* | 8,956.57 | 8,691.18 |
| Di tangan | | 386.74 | 174.48 |
| | | **9,343.31** | **8,865.66** |

Disediakan Oleh:

**(Zainal Abidin b. Abd Majid)**
Bendahari
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

Disahkan Oleh:

**(Ibrahim b. Ismail)**
Pengerusi
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

**LAPORAN PEMERIKSA KIRA-KIRA:**

Adalah saya telah memeriksa semua urusniaga atas pendapatan dan perbelanjaan serta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dan saya dapati telah dibuat mengikut peraturan-peraturan kewangan yang dibenarkan.

Pada pendapat saya Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan/Penyata Imbangan Bagi Tahun Berakhir 30 Ogos 2018 adalah betul dan sah.

**(Hj Roslan bin Baharom)**
Pemeriksa Kira-Kira
Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai
Sesi 2017/2018

*Lampiran 1*

***PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI***
***BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR***

**SUMBANGAN HARI KELUARGA 2018**

| | Terima Dari | | RM |
|---|---|---|---|
| 1 | Dr. Mohamad Azim | - | 500.00 |
| 2 | Seorang hamba Allah | - | 500.00 |
| 3 | En. Khairudin | - | 100.00 |
| 4 | Tn Hj. Borhan Abdullah | - | 200.00 |
| 5 | Datin Noraini/Mazida/Zubaidah | - | 62.10 |
| 6 | Sewa gerai (RM20 X 5) | - | 100.00 |
| | | | **1,462.10** |

*Lampiran 2*

***PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI***
***BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR***

**SUMBANGAN MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI 2018**

| | Terima Dari | | RM |
|---|---|---|---|
| 1 | Seorang hamba Allah | - | 250.00 |
| 2 | Tn Hj. Isnin bin Hj. Jamal | - | 100.00 |
| 3 | En. Hassim bin Said | - | 50.00 |
| 4 | Datuk Salleh bin Yusup | - | 50.00 |
| 5 | Seorang hamba Allah | - | 65.00 |
| 6 | Seorang hamba Allah | | 35.00 |
| | | | **550.00** |

Lampiron 3

***PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI***
***BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR***

**PERBELANJAAN HARI KELUARGA 2018**

| | Keterangan | | RM |
|---|---|---|---|
| 1 | Sarapan pagi pada hari keluarga | - | 680.61 |
| 2 | Hadiah sukaneka | - | 497.20 |
| 3 | Hadian cabutan bertuah | - | 1,364.90 |
| 4 | Peralatan sukaneka | - | 188.20 |
| 5 | Banner | - | 252.30 |
| 6 | Sewa PA sistem | - | 150.00 |
| 7 | Sewa tapak hari keluarga | - | 500.00 |
| | **Jumlah** | - | **3,633.21** |

---

Lampiron 4

***PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI***
***BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR***

**PERBELANJAAN MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 2018**

| | Keterangan | | RM |
|---|---|---|---|
| 1 | Duit raya - 92 paket x RM5 | - | 460.00 |
| 2 | Hadiah cabutan bertuah dan lain-lain | - | 490.80 |
| 3 | Rendang | - | 600.00 |
| 4 | Karipap | - | 100.00 |
| 5 | Satay | - | 1,500.00 |
| 6 | Sinar Caterer (Soto) | - | 1,070.00 |
| 7 | Cendul - RM1.70 x 350 | - | 595.00 |
| 8 | Lemang - RM15 x 30 | - | 450.00 |
| 9 | Nasi lemak | - | 120.00 |
| 10 | Apam | - | 100.00 |
| 11 | Buah tembikai | - | 70.50 |
| 12 | Minuman - Sirap, teh, susu dan servis | - | 150.51 |
| 13 | Pinggan & cawan plastik | - | 175.94 |
| 14 | Air mineral untuk bancuhan sirap | - | 29.95 |
| 15 | Banner | - | 220.00 |
| | **Jumlah** | | **6,132.70** |

**Lampiran 5**

BANK ISLAM

eBANKER / ZAINALAM / PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANDARAYA DAMAI

Home My Home Page | Cash Manager Ac. Payment.. | Info Rates & Codes

Log Off

- Account Inquiry
- Cheque Management
- Payment
- Bankers Cheque Mgt
- Foreign Remittance Mgt

## Statement Inquiry

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Account Name | All | | | |
| Date | From 01/08/2018 | | To | 31/08/2018 |
| Amount | From 0.00 | | To | 999999999.99 |
| Trx Code | <ALL> | | | |
| Export Type | Normal | | | |
| Export File Format | Text File Format | | | |

☑ With Payment Detail Column ☐ With Sender Name Column

**Search** **Export** **Print**

| Trx Date/Time | Account No | Trx Code | Trx Description | Ref / Cheque No. | Debit | Credit | Branch | Ending Balance | Customer / EFT No. | Payment Details | Currenc Code |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 31/08/2018 11:59:59 PM | 14256010003441 | 0160 | Profit paid | | | 1.14 | 121 | 8,956.57 | | | MYR |

1

Location : Cash Manager | Account Inquiry | Statement Inquiry

D7